

# Syed Razak menghadap Sultan Kedah hari ini

UM 3 DEC 1999

ALOR SETAR 8 Dis. — Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Kubang Rotan, Datuk Syed Razak Syed Zain yang disebut-sebut bakal Menteri Besar Kedah yang baru dijadualkan menghadap Sultan Kedah di Istana Anak Bukit, esok.

Setiausaha Sulit Sultan Kedah, Datuk Syed Unan Masri Syed Abdullah berkata, Syed Razak dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Datuk Ismail Shafie mendapat perkenan untuk menghadap Sultan Kedah pada pukul 10 pagi esok.

Menurutnya, majlis menghadap itu dikatakan mempunyai kaitan dengan pembentukan kerajaan negeri setelah Barisan Nasional (BN) memenangi pilihan raya umum lalu termasuk mengenai pelantikan Menteri Besar Kedah yang baru.

Bagaimanapun katanya, tiada pengesahan yang dapat dibuat berhubung pelantikan Syed Razak sebagai Menteri Besar bagi menggantikan Tan Sri Sanusi Junid yang enggan dilantik semula.

Syed Razak, 55, yang merupakan Ahli Majlis Mesyuarat (Exco) Kerajaan Kedah dilihat antara calon paling sesuai menggantikan Sanusi berdasarkan pengalamannya yang luas dalam pentadbiran kerajaan negeri.

Beliau yang telah menjadi Ahlibewan Undangan Negeri Kedah sejak tahun 1986 merupakan Ahli Majlis Mesyuarat (Exco) Kerajaan Negeri Kedah paling lama memegang jawatan itu sejak tahun 1992 iaitu ketika Tan Sri Osman Aroff menadi Menteri Besar.

Pada 4 Disember lalu, Sanusi mengumumkan

kan pengunduran sebagai Menteri Besar Kedah sebagai mengambil tanggungjawab terhadap kemerosotan prestasi BN dalam pilihan raya umum ke-10 pada 29 November lalu.

Serentak dengan pengumuman itu, beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah daripada UMNO disebut-sebut menjadi Menteri Besar termasuk Syed Razak, Fadhil Hanafi dan Prof. Datuk Dr. Othman Ishak.

Bagaimanapun dua Ahli Dewan Undangan Negeri iaitu Fadhil dan Dr. Othman dianggap kurang berkelayakan kerana masih bar-u dalam kancah politik dan pentadbiran kerajaan negeri.

Spekulasi mengenai Syed Razak menjadi Menteri Besar semakin hangat diperkatakan apabila Exco kanan kerajaan negeri itu mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Putrajaya sebanyak dua kali iaitu semalam dan kelmarin.

Selain daripada berpengalaman dalam kerajaan negeri, Syed Razak juga merupakan antara Exco yang berjaya mempertahankan kerusinya di Dewan Undangan Negeri Kubang Rotan walaupun dua lagi Dewan Undangan Negeri di Parlimen Kuala Kedah jatuh kepada Pas.

Sementara itu, Syed Razak ketika ditemui di Kuala Kedah dekat sini hari ini masih membisu mengenai pelantikannya sebagai Menteri Besar Kedah yang baru, sekadar berkata beliau masih belum menerima surat pelantikan daripada Perdana Menteri sehingga pukul 2 petang ini.